

**NO. SOALAN: 77**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH  
[ SABAK BERNAM ]**

**RUJUKAN : 8712**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan senarai Tahap (*tier Level*) dalam Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) mengenai pemerdagangan orang dari tahun 2004 hingga 2005 dan langkah Kerajaan untuk mencapai penyenaraian tahap 1 (*tier Level 1*) menjelang tahun 2020.**

**JAWAPAN:**

Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) mengenai Pemerdagangan Orang merupakan penilaian prestasi negara-negara dalam menangani isu pemerdagangan orang. Penilaian tahunan ini melibatkan 188 buah negara termasuk Malaysia dan setiap negara akan diletakkan sama ada berada di tahap terbaik iaitu **Tier 1**, diikuti oleh **Tier 2**, **Tier 2 (Watchlist)** dan **Tier 3**. Malaysia telah dinilai sejak tahun 2006 dan berada pada **Tier 2 (Watchlist)** pada ketika itu.

Malaysia telah menandatangani **United Nations Convention Against Transnational Organized Crime (UNTOC)** pada 26 September 2002 dan meratifikasinya pada 24 September 2004; serta menganggotai **Protocol to Prevent, Suppress and Punish Trafficking in Persons Especially Women and Children (TIP Protocol)** pada 26 Februari 2009. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah selaras dengan komitmen negara seperti yang terkandung di dalam konvensyen dan protokol antarabangsa tersebut. Tindakan yang diambil secara tidak langsung menambahbaik kedudukan negara dalam Laporan Tahunan JNAS mengenai Pemerdagangan Orang.

Antara langkah utama yang telah dilaksanakan adalah pindaan kepada Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007. Pindaan ini telah berkuatkuasa pada 18

**November 2015. Pindaan kepada ATIPSOM 2007 adalah bagi memperkasakan perundangan sedia ada. Pindaan ini memperuntukkan kebenaran untuk mangsa pemerdagangan orang bergerak bebas dan bekerja, pemberian pampasan kepada mangsa, dan penglibatan lebih aktif Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam perlindungan dan penjagaan mangsa.**

**Bagi menunjukkan komitmen peringkat tertinggi negara, Jawatankuasa Peringkat Tertinggi telah ditubuhkan dan dianggotai oleh menteri-menteri bagi Kementerian yang merupakan anggota Majlis. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menimbang teliti dan memutuskan syor yang dibuat oleh Majlis.**

**Kementerian / Jabatan yang telah dilantik sebagai ahli baru Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) adalah Kementerian Pertahanan, Kementerian Industri Perladangan dan Komoditi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Belia dan Sukan. Dengan menjadi ahli Majlis, Kementerian / Agensi berkenaan akan turut sama menyumbang dan terlibat dalam usaha membanteras jenayah ini secara kolektif secara bersepadu mengambil kira kepakaran dan pengalaman dalam bidang masing-masing.**

**Langkah-langkah yang diambil untuk memerangi jenayah pemerdagangan orang ini merupakan usaha berterusan dan bersepadu yang dilaksanakan oleh kementerian / agensi / jabatan di bawah MAPO. Jawatankuasa Penguatkuasaan yang diketuai oleh**

**Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan dianggotai oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) sentiasa melaksanakan risikan dan penguatkuasaan secara berterusan untuk membanteras jenayah ini.**

**Seiring dengan ancaman semasa, program bina upaya turut diadakan bagi memastikan agensi penguatkuasa sentiasa dilengkapi dengan kemahiran, kebolehan dan keupayaan yang sewajarnya.**

**Langkah-langkah yang telah dinyatakan diyakini mampu memerangi jenayah pemerdagangan orang di peringkat serantau dan antarabangsa.**